

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

18 APRIL 2019

KHAMIS



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
BERITA HARIAN	POLIS MINTA BANTUAN INTERPOL TAHAN PEMILIK KILANG TAYAR	2
SINAR HARIAN	POLIS JOHOR MINTA BANTUAN INTERPOL	3



# BERITA HARIAN

PENCEMARAN GAS KIMIA BERBAHAYA DI SUNGAI KIM KIM

## Polis minta bantuan INTERPOL tahan pemilik kilang tayar

**Kulai:** Polis Johor sudah meminta bantuan Polis Antarabangsa (INTERPOL) untuk menahan warga Singapura yang juga pemilik kilang tayar diakwa menyebabkan pencemaran gas kimia berbahaya di Sungai Kim Kim, awal bulan lalu.

Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd, berkata penahanan lelaki suspek utama itu adalah penting bagi melengkapkan siasatan berhubung insiden berkenaan.

"Kita sudah menghantar dokumentasi untuk mendapatkan suspek mengikut undang-undang daripada polis Singapura"



Kita sudah menghantar dokumentasi untuk mendapatkan suspek mengikut undang-undang daripada polis Singapura"

**Mohd Khalil  
Kader Mohd,  
Ketua Polis Johor**

"Kita juga sudah menghantar permohonan kepada INTER-

POL bagi membantu penahanan suspek berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas program Kunjungan Muhibah Ketua Polis Johor ke Sekolah Kebangsaan (SK) Polis Kem Kelapa Sawit, di sini, semalam.

### Hulu sumbangan alat tulis

Pada majlis itu, Mohd Khalil turut menyampaikan sumbangan alat tulis kepada 100 murid sekolah berkenaan.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Kamarudin Md Din.

Pada 25 Mac lalu, sebuah kilang pemprosesan tayar terpakai, P Tech Resources Sdn Bhd, dan dua pengarah termasuk

Khamis 18/4/19  
B4

seorang warga Singapura, diadikwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru masing-masing atas 15 pertuduhan membabitkan kesalahan gagal mematuhi peraturan udara bersih dan buangan terjadual di Sungai Kim Kim.

Sehari sebelum itu, dua pengarah terbabit dan seorang petmandu lori didakwa di Mahkamah Sesyen sama atas pertuduhan melupuskan bahan buangan tercemar secara haram di Sungai Kim Kim, 7 Mac lalu.

Pencemaran toksik di Sungai Kim Kim itu menjelaskan hampir 6,000 penduduk, termasuk pelajar sehingga 111 sekolah di Pasir Gudang, dekat sini, terpaksa diarahkan tutup semestara.



# SINAR HARIAN

Sinar  
Harian  
18/4/19.  
(Khamis)

## Polis Johor minta bantuan Interpol

Tahan warganegara Singapura terlibat pencemaran Sungai Kim Kim

FIRDAUS YON

KULAI

**P**olis Johor meminta bantuan Polis Antarabangsa (Interpol) untuk menahan seorang warganegara Singapura berhubung kes pencemaran Sungai Kim Kim yang berlaku di Pasir Gudang, bulan lalu.

Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd berkata, penahanan penting bagi melengkapkan siasatan berhubung kes pencemaran tersebut.

"Kita sudah hantar dokumentasi diperlukan kepada pihak berkuasa Singapura untuk tahan suspek."

"Kita juga sudah menghantar permohonan kepada Interpol di Bukit Aman, Kuala Lumpur bagi membantu menahan suspek," katanya pada sidang media sele-



Mohd Khalil menyampaikan sumbangan kepada salah seorang pelajar SK Polls Kem di Kulai, semalam.

pas Program High Profile Policing di Sekolah Kebangsaan (SK) Polls Kem di sini, semalam.

Turut disampaikan sumbangan alat tulis kepada 100 murid sekolah berkenaan.

Terdahulu, sebuah kilang pemprosesan tayar terpakai, P Tech Resources Sdn Bhd dan dua pengarah termasuk seorang warga Singapura didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas 15 pertuduhan kerana tidak patuh

pemantauan udara bersih dan buangan terjadual di Sungai Kim Kim.

Polis Johor memaklumkan individu warga Singapura yang disyaki terlibat dalam insiden itu telah dikenal pasti dengan bantuan pihak berkuasa republik itu.

Pencemaran sisa bahan kimia di sungai tersebut menyebabkan lebih 6,000 penduduk, termasuk pelajar sekolah dimasukkan ke hospital kerana sesak nafas.

